

15 APR 2000

PNB HARAP TINGKAT KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP FAEDAH MELABUR

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Permodalan Nasional Berhad (PNB) berharap dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap faedah dan kaedah melabur dalam saham-saham amanah menerusi Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang bermula 20 April ini.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Hamad Kama Piah Che Othman berkata aktiviti seperti seminar, pameran serta kelas pendidikan akan diadakan sepanjang MSAM yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pada majlis itu, Perdana Menteri akan mengumumkan nama amanah saham baru PNB yang dibuka keahliannya kepada bayi-bayi berumur enam bulan ke atas.

Amanah saham itu akan dijual dengan harga RM1 seunit dan pelaburan maksimum adalah RM50,000 setiap orang.

"Saya berharap orang ramai terutamanya ibu bapa yang ingin melabur untuk pendidikan anak-anak mereka akan mengambil kesempatan ini," kata Hamad Kama kepada pemberita selepas melepaskan 43 buah kereta yang menyertai acara mencari harta karun PNB di Menara PNB, di sini hari ini.

Lebih 150 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan, syarikat pelaburan PNB, wakil pemegang unit saham dan media menyertai acara itu bertemakan "Kenali PNB" yang diadakan sempena MSAM.

-- BERNAMA

KLS RHM